



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI



PELAN STRATEGIK KAWALAN PENYAKIT KUKU & MULUT (FMD) KEBANGSAAN

2018 – 2023



PELAN STRATEGIK KAWALAN PENYAKIT KUKU & MULUT (FMD) KEBANGSAAN

2018 – 2023

PELAN STRATEGIK KAWALAN PENYAKIT KUKU DAN MULUT (FMD) KEBANGSAAN 2018 – 2023

Cetakan Pertama 2018

Hak Cipta Terpelihara © Jabatan Perkhidmatan Veterinar



Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya dan dengan apa cara tanpa kebenaran bertulis penerbit.

Diterbitkan oleh

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya, Malaysia.

Tel : 03-8870 2000

Fax : 03-8888 6021

Emel : pro@dvs.gov.my

Website : www.dvs.gov.my

ISI KANDUNGAN

KATA PENGHANTAR	iv
PRAKATA	v
PENGHARGAAN	vi
AKRONIM	vi
PENGENALAN	01
1.0 Status Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) di Malaysia	
2.0 Visi dan Misi	
3.0 Matlamat	
PELAN STRATEGIK KAWALAN PENYAKIT KUKU DAN MULUT (FMD) KEBANGSAAN	09
1.0 Objektif Strategi	
2.0 Pendekatan Strategik	
3.0 Pelan Strategik	
4.0 Pelan Perlaksanaan	
AHLI JAWATANKUASA PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK	33
CATATAN	34

KATA PENGHANTAR



YBhg. Dato' Dr. Quaza Nizamuddin bin Hassan Nizam

Ketua Pengarah Perkhidmatan
Veterinar Malaysia

Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) yang disebabkan oleh Apthovirus dari keluarga Picornaviridae boleh menjangkiti lembu, kerbau, kambing, bebiri, babi, rusa dan lain-lain haiwan berkuku dua. Penyakit FMD merupakan penyakit yang sangat mudah merebak dan boleh menyebabkan kerugian yang tinggi kepada industri ternakan. Jangkitan di kalangan ternakan tanpa imuniti boleh menjadi serius dan menyebabkan kematian di kalangan anak. Sementara jangkitan di kalangan lembu tenusu boleh memberi impak ekonomi yang besar. Kejadian penyakit FMD dalam sesebuah negara sering menjadikan kestabilan ekonomi, sosial dan politiknya.

Menyedari kepentingannya, penggubalan Pelan Strategik Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) Kebangsaan 2018-2023 merupakan satu anjakan ke arah mempertingkatkan serta memperkemaskan lagi program kawalan penyakit FMD Jabatan Perkhidmatan Veterinar(DVS). Pelan strategik ini telah mensasarkan pencapaian bebas FMD kepada 2 tahap, iaitu Semenanjung Malaysia bebas dari FMD dengan vaksinasi pada tahun 2021 dan seterusnya bebas FMD tanpa vaksinasi pada tahun 2023. Dalam usaha untuk merealisasikan pelan strategik ini, pengembelangan tenaga, usahasama dan komitmen yang tinggi dari semua pihak khususnya warga DVS adalah amat diperlukan.

Adalah diharapkan agar pelan strategik ini dapat menjadi panduan dan rujukan utama untuk membasi FMD di Semenanjung Malaysia serta mengekalkan status bebas FMD tanpa vaksinasi di Sabah dan Sarawak. Akhir kata, tahniah diucapkan kepada semua ahli yang terlibat dalam menjayakan pelan strategik ini.

PRAKATA



Dr. Marzuki bin Zakaria

Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan
Biosekuriti dan SPS
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

Pelan Strategik Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) Kebangsaan 2018-2023 adalah merupakan suatu komitmen jangka panjang Negara dalam memastikan Negara bebas dari FMD tanpa vaksinasi menjelang tahun 2023. Bagi mencapai matlamat tersebut, pelan strategik ini perlu dilaksanakan dengan usahasama dan komitmen yang tinggi dari semua pihak.

Pelan strategik ini telah menggariskan 8 strategi utama yang dikemaskini merangkumi perkara dan aktiviti berkaitan polisi DVS, aktiviti kawalan penyakit, program surveyan, kapasiti diagnosis, perundangan, intervensi wabak dan kesedaran awam. Pelan Strategik Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) Kebangsaan 2018-2023 ini merupakan satu dokumen yang akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua warga kerja DVS dalam menjalankan kawalan berkaitan penyakit FMD.

Pelan strategik ini mengutarakan beberapa pendekatan dan perlaksanaan aktiviti kawalan penyakit FMD dengan memfokuskan kepada pembentukan pelan strategik yang paling sesuai dan efektif. Kemampuan untuk mengisytiharkan Malaysia bebas sepenuhnya daripada FMD pada tahun 2023 akan menjadi bukti kesungguhan, istiqamah dan profesionalisme warga kerja DVS.

Akhir kata, sekalung tahniah dan ucapan penghargaan kepada ahli jawatankuasa, urusetia dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menerbitkan pelan strategik ini. Semoga Pelan Strategik Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) Kebangsaan 2018-2023 ini menjadi panduan dan rujukan yang bermanfaat kepada semua dan seterusnya mencapai misi dan visinya.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Bahagian Kesihatan DVS Negeri, semua Makmal Veterinar Kawasan, ahli jawatankuasa penyediaan Pelan Strategik Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) Kebangsaan 2018-2023, serta warga kerja Jabatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan Pelan Strategik Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) Kebangsaan 2018-2023.

AKRONIM

APTVM	Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
BKP	Bahagian Khidmat Penguruan
BLPK	Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya
BPI	Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
BPSPS	Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS
DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
EpiS	Seksyen Epidemiologi dan Survelan
FMD	Penyakit kuku dan mulut
MAQIS	Jabatan Pemeriksaan dan Kuarantin Malaysia
MVK KB	Makmal Veterinar Kawasan Kota Bharu
NBOS	<i>National Blue Ocean Strategy</i>
NSP	<i>Non-structural protein</i>
OIE	<i>World Animal Health Organisation</i>
PCP	<i>Progressive Control Pathway</i>
PVD	Pejabat Veterinar Daerah
PVM	Protokol Veterinar Malaysia
QAAD	<i>Quarterly Aquatic Animal Disease</i>
SEACFMD	<i>South-East Asia and China Foot and Mouth Disease</i>
SKaPP	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Pwenyakit
SOP	<i>Standard operating procedure</i>
SQIE	Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import Eksport
VRI	Institut Penyelidikan Veterinar
WAHIS	<i>World Animal Health Information System</i>

PENGENALAN

1

STATUS PENYAKIT KUKU DAN MULUT (FMD) DI MALAYSIA

Di Malaysia, episod pertama wabak FMD berlaku pada tahun 1860. Selepas itu, pada tahun 1909 iaitu selepas ketiadaan kes selama 49 tahun, FMD muncul semula di Daerah Kulim dan Kuala Muda, Kedah. Seterusnya, FMD telah dilaporkan berlaku di Pulau Pinang pada tahun 1910 dan di Negeri Pahang pada tahun 1917 dan 1926. Berikutnya, pada tahun 1936 FMD telah dikesan di Negeri Perak dan Selangor. Pada tahun 1938, kes berlaku semula di Negeri Perak. Bermula pada tahun 1939, Malaysia telah menggunakan dasar kawalan pergerakan haiwan bagi membendung penyakit FMD.

Hasil dari kawalan pergerakan yang telah dilaksanakan, selama 34 tahun tidak terdapat kes-kes FMD yang dilaporkan tetapi pada tahun 1973 satu wabak dilaporkan di Perlis, yang mendorong Malaysia menggunakan dasar *stamping out*. Pada tahun 1978 satu lagi wabak dilaporkan di negeri Kelantan yang kemudiannya merebak ke Perlis dan Kedah. Malaysia turut mengamalkan dasar *stamping out with vaccination*.

Pada tahun 1979, Malaysia telah mengubah dasar *stamping out* ke dasar vaksinasi kerana faktor sosial, politik dan agama. Pada tahun 1981, terdapat tiga wabak utama di Selangor, Perak dan rumah sembelih di Johor serta sebuah ladang *feedlot*. Dasar vaksinasi telah digunakan di Semenanjung Malaysia pada tahun 1982. Selepas dua tahun, Pulau Pinang dan Perak mengalami wabak pada tahun 1984, diikuti oleh Kelantan dan Terengganu pada tahun 1985.

Pada tahun 1989, dasar vaksinasi telah digunakan hanya di Negeri Utara Malaysia. Seterusnya, pada tahun 1990, sebanyak 29 lembu yang diimport dari Thailand telah di kesan FMD positif semasa dalam tempoh kuarantin. Dari tahun 1992, kes FMD telah berlaku hampir setiap tahun di Negeri Utara Semenanjung Malaysia. Pada tahun 1994, kes FMD dilaporkan di Negeri Pulau Pinang dan Perak, diikuti oleh Kelantan dan Terengganu pada tahun 1995.

Pada tahun 2003, wabak FMD yang besar telah berlaku di Pahang. Pada tahun 2004, Negeri Sabah dan Sarawak telah memperoleh status bebas FMD dari OIE. Pada masa kini, Semenanjung Malaysia diiktiraf oleh OIE berada pada tahap 3 FMD PCP (*progressive control pathway*) OIE SEACFMD 2020 roadmap.

Wabak terkini FMD dan *trends* yang dilaporkan dari tahun 2013 – 2017 mengikut Negeri adalah sebagaimana jadual dan carta dibawah:

Jadual 1:
Wabak FMD Mengikut Negeri tahun 2013 - 2017

	2013	2014	2015	2016	2017
Perlis	1	0	0	1	0
Kedah	21	0	1	21	0
P. Pinang	3	0	0	5	4
Perak	1	1	0	1	0
Kelantan	3	1	0	1	0
Terengganu	4	4	3	2	0
Pahang	4	1	2	10	5
Selangor	12	0	0	9	4
N. Sembilan	5	0	2	2	4
Melaka	5	1	1	8	8
WPKL	0	0	0	1	2
Johor	4	0	0	3	4
TOTAL	63	8	9	64	31


Carta 1:

Wabak FMD Mengikut Negeri tahun 2013 - 2017



Carta 2:

FMD Trends mengikut bulan 2013 - 2017



Serotype O/SEA/Mya-98 *lineage of the SEA topotype* dan serotype A (ASIA topotype) adalah serotype yang kerap dikenalpasti di Malaysia. Walau bagaimanapun, Sequencing FMDV Malaysia yang dijalankan pada tahun 2003-2009 telah mengenalpasti strain PanAsia-2 iaitu strain yang tersebar luas di Asia Selatan (benua India termasuk Bhutan dan Nepal) dan Timur Tengah. Sequencing terkini yang dijalankan pada tahun 2014-2016 telah mengenalpasti serotype O/SEA/Mya-98 dan A/ASIA/SEA-97 sebagaimana jadual dibawah:

Jadual 2:

FMDV Sequencing 2014 - 2016

SPECIES	FMDV SEROTYPE	FMDV TOPOTYPE	FMDV GENOTYPE/ STRAIN
Cattle/Swine (2016)	O	SEA	Mya 98
Cattle	A	Asia	SEA-97

Dari segi industri ternakan di Malaysia, populasi ternakan berisiko (banci 2016) lembu dan kerbau adalah sebanyak 800,000 ekor dengan *self sufficiency level* (SSL) sebanyak 23% (daging) dan 2.3% (susu). Manakala, kambing dan bebiri adalah sebanyak 500,000 ekor dengan SSL 12% dan ternakan babi sebanyak 1.4 juta ekor dengan SSL 92%. SSL lembu dan kerbau yang rendah mendorong kepada pengimportan ternakan hidup dari Australia dan Indonesia serta Negara jiran, Myanmar dan Thailand. Ternakan *naive* dari Australia dan Indonesia adalah berisiko kepada penyakit FMD.

Malaysia juga telah mengenalpasti 7 kawasan berisiko kepada FMD (*hotspot area*) iaitu, Negeri bersempadan Thailand, premis *traders*, Pusat jualan ternakan / lelongan di Pahang, Terengganu, Johor, Melaka, Kelantan (Tanah merah), ladang pembibikbaka (swasta), Ladang tenusu, ladang satelit (67 ladang di 8 Negeri) dan ladang dengan populasi yang tinggi.

Pada masa kini, pelaksanaan strategi yang dilaksanakan dalam kawalan dan pembasmian FMD adalah mengikut garis panduan yang terdapat dalam Protokol Veterinar Malaysia bagi Penyakit FMD (PVM 1(9):1/2011) sebagaimana berikut:


- Pelaporan
- Survelan
- Kempen kesedaran awam
- Makmal
- Vaksin
- Kawalan Import
- Pengurusan Kuarantin
- Kawalan pemindahan, pergerakan dan sembelih
- Disinfeksi
- Pengurusan indeks
- Vaksinasi strategik
- Penghapusan disesuaikan dengan pampasan
- Kesiapsiagaan
- Pengesahan bebas

Melalui analisis data pemvaksinan di 2 buah negeri pada tahun 2017 iaitu Negeri Melaka dan Perak (jadual/carta 3 dan 4) didapati secara purata prestasi liputan pemvaksinan adalah sebanyak 30% untuk P1. Peratus pemvaksinan (P1 dan P2) dijangka akan ditingkatkan sehingga 80% di kawasan berisiko melalui pelan strategik ini.

Jadual/Carta 3:**Liputan vaksinasi (P1 sahaja) Negeri Melaka, 2017**

	Population	No. of vaccination	Vaccination coverage (%)
Jasin	11369	5429	47.75
Alor gajah	19035	2758	14.49
Melaka tengah	3675	1259	34.26
TOTAL	34079	9446	27.72


Cattle population and number of FMD vaccination in Melaka, 2016



Jadual/Carta 4:**Liputan vaksinasi (P1 sahaja) Negeri Perak, 2017**

Population ▼	No. of vaccination ▼	Vaccination coverage ▼
Kerian	2730	2626 
Batang Padang	8539	3860 
LMS	8228	5878 
Perak Tengah	5781	3535 
Manjong	3065	1895 
Perak Hilir	6632	1716 
Hulu Perak	1746	1264 
Kuala Kangsar	2822	2949 
Kinta/Kampar	6452	4256 
TOTAL	45986	27979 

Cattle population and number of vaccination in Perak, 2016



Pembasmian FMD merupakan suatu komitmen jangka panjang negara. Kemampuan untuk mengisyiharkan Malaysia bebas sepenuhnya daripada FMD akan membantu sektor penteranagan untuk berkembang kerana sektor ini masih dibelenggu dengan masalah penyakit ternakan. Dalam usaha untuk membasi FMD dan membolehkan eksport produk ternakan, DVS mengemukakan pelan strategik FMD 2018-2023, terdiri dari pelbagai aktiviti yang diselaraskan bersama kempen SEACFMD dan Road Map bebas FMD.

Matlamat pelan strategik FMD adalah dalam jangkamasa 5 tahun adalah untuk mengurangkan kes atau wabak FMD secara progresif melalui pemvaksinan bermula tahun 2018 kepada tiada kes FMD pada tahun 2021. Malaysia berusaha kearah pengiktiran rasmi OIE untuk status zon bebas FMD dengan vaksinasi pada tahun 2021 dan seterusnya untuk mencapai status bebas FMD tanpa vaksinasi pada 2023.

Pelan Strategik Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) Kebangsaan 2018-2023 adalah sebagai bahan rujukan kepada Jabatan dalam mengawal dan membasi FMD di Semenanjung Malaysia. Kandungan pelan strategi ini merangkumi polisi, aktiviti kawalan penyakit, surveyan, diagnosis, perundangan, intervensi wabak dan kesedaran awam untuk mencapai matlamat Semenanjung Malaysia sebagai zon bebas FMD tanpa vaksinasi menjelang tahun 2023.

2 VISI DAN MISI

- Penyakit FMD dapat dikawal dan Semenanjung Malaysia bebas dari FMD dengan vaksinasi pada tahun 2021
- Semenanjung Malaysia bebas FMD tanpa vaksinasi pada tahun 2023

3 MATLAMAT

- Untuk mengawal, mencegah dan membasi FMD di Semenanjung Malaysia
- Menetapkan zon bebas FMD (Semenanjung Malaysia) mengikut standard OIE
- Menyokong permohonan eksport produk ternakan ke pasaran global

PELAN STRATEGIK KAWALAN PENYAKIT KUKU DAN MULUT (FMD) KEBANGSAAN

1 OBJEKTIF STRATEGI

Strategi kawalan FMD ini mempunyai objektif sebagaimana berikut:

- 1** ►..... Pengurangan dan penghapusan secara progresif kejadian (insiden) wabak FMD klinikal dalam 2 tahun pertama strategi (2018 dan 2019) di negeri-negeri Semenanjung Malaysia
- 2** ►..... Mencapai PCP FMD Fasa 3 pada tahun 2020 melalui zero insiden FMD klinikal dengan pemvaksinan (*No circulation and no transmission of FMDV*)
- 3** ►..... Mengelakkan zero insiden FMD klinikal pada tahun 2021 di negeri-negeri Semenanjung Malaysia dengan pemvaksinan
- 4** ►..... Penamatan pemvaksinan secara berperingkat dan dalam masa yang sama mengekalkan zero insiden FMD klinikal pada tahun 2022
- 5** ►..... Mengelakkan zero insiden FMD klinikal pada tahun 2023 tanpa pemvaksinan di semua negeri Semenanjung Malaysia
- 6** ►..... Meningkatkan peratusan liputan vaksinasi FMD secara berperingkat setiap tahun sehingga mencapai 80% pada tahun 2020 melalui pendekatan berdasarkan risiko (*risk based*) untuk mengurangkan kesan FMD
- 7** ►..... Mencapai status bebas zon (Semenanjung Malaysia) dengan pemvaksinan pada tahun 2021 (PCP FMD stage 4)
- 8** ►..... Mencapai status bebas zon tanpa pemvaksinan pada tahun 2023 (PCP FMD stage 5)

2

PENDEKATAN STRATEGIK

Dalam mencapai matlamat Semenjung Malaysia bebas FMD tanpa vaksinasi pada tahun 2023, Pelan strategik FMD telah menggariskan 8 strategi berikut:

- 1** ►.....Meningkatkan pengesanan awal FMD serta memperkuuhkan aktiviti surveyan FMD
- 2** ►.....Memantapkan aktiviti kawalan penyakit FMD ke arah mengurangkan insiden dan mencapai zon bebas FMD
- 3** ►.....Memantapkan penguatkuasaan dan perundangan
- 4** ►.....Memperkuuhkan pengurusan dan penyelarasan sumber
- 5** ►.....Memperkuuhkan komunikasi dan kesedaran awam
- 6** ►.....Memperkasakan penyelidikan berkaitan penyakit FMD
- 7** ►.....Memantapkan koordinasi dan kolaborasi antarabangsa dalam meningkatkan kompetensi
- 8** ►.....Memantapkan pemantauan dan penilaian keseluruhan program FMD

3 PELAN STRATEGIK

STRATEGI 1: MENINGKATKAN PENGESANAN AWAL FMD SERTA MEMPERKUKUHKAN AKTIVITI SURVELAN FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
1. Memantapkan mekanisme tindak balas segera penyakit FMD	1. Pelaporan kejadian penyakit yang disyaki FMD 2. Mewujudkan Jawatankuasa kerja FMD 3. Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa kerja FMD 3 kali setahun 4. Menjalankan penyiasatan penyakit	Di lapangan DVS Putrajaya DVS Putrajaya Dilapangan (semua negeri di Semenanjung Malaysia)	Individual fail kes FMD Minit Mesyuarat Laporan prestasi pelan strategik FMD Laporan penyiasatan penyakit	Perternak dan pengang taruh BPSPS, DVS Negeri BPSPS, DVS Negeri BPSPS Negeri, DVS Negeri	- - Penyediaan rakan minum mesyuarat Tuntutan perjalanan / pengangkutan	Kejadian penyakit yang disyaki perlu dilaporkan kepada PVD berhampiran dengan segera dalam tempoh 24jam. Peruntukan mengurus BPSPS Peruntukan mengurus BPSPS Negeri Peruntukan mengurus BPSPS / DVS Negeri	Kejadian penyakit yang disyaki perlu dilaporkan kepada PVD berhampiran dengan segera dalam tempoh 24jam. Peruntukan mengurus BPSPS 2 kali setahun

STRATEGI 1 : MENINGKATKAN PENGESANAN AWAL FMD SERTA MEMPERKUKUHKAN AKTIVITI SURVEYLAN FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
2. Mengukuhkan program surveyan FMD	<p>1. Menyediakan manual persampelan program surveyan tahunan</p> <p>2. Melaksanakan program surveyan klinikal dan aktif Penyakit FMD dan pelaporan data surveyan</p>	DVS Putrajaya Dilapangan (semua negeri di Semenanjung Malaysia)	<p>i. Laporan status pencapaian surveyan 3 kali setahun</p> <p>ii. Laporan analisa data surveyan di dalam Mesyuarat Penyerasan aktiviti Kawalan Penyakit dan Mesyuarat JK Kawalan Penyakit Kebangsaan 2 kali setahun</p>	<p>Manual Program Surveyan Haiwan Kebangsaan Tahunan</p> <p>DVS Negeri</p>	<p>Epis BPSPS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kit ujian FMD /NSP • Peralatan pakai buang persampelan • Peralatan pakai buang makmal • Reagen dan biologik • Tuntutan perjalanan dan pengangkutan <p>DVS Negeri, Epis</p>	<p>Cetakan manual</p> <p>Peruntukan mengurus BPSPS</p> <p>Peruntukan mengurus BPSPS / DVS Negeri</p>	<p>Data bantuan komprehensif dari semua DVS Negeri diperlukan</p> <p>i. Target pencapaian persampelan adalah 85% ii. Laporan mengikut format yang telah disediakan oleh Epis</p> <p>Format pelaporan disediakan oleh Epis</p>

STRATEGI 1 : MENINGKATKAN PENGESANAN AWAL FMD SERTA MEMPERKUKUHKAN AKTIVITI SURVEYLAN FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
3. Memantapkan garis panduan dan prosedur FMD	Mengemaskini PVM FMD dan APTVM berkaitan	DVS Putrajaya	Final deraf PVM FMD dan APTVM berkaitan	BPPSPS, DVS Negeri, Makmal	Cetakan dokumen	Peruntukan mengurus BPPSPS	Kemaskini setiap 3 tahun sekali mengikut keperluan
4. Notifikasi kes FMD ke OIE	Notifikasi segera kes FMD dan Laporan QAAD ke OIE.	Focal point WAHS	Serta merta dan mingguan	BPPSPS	-	-	
5. Mengukuhkan program kesiasiaaan kawalan FMD	Melaksanakan program simulasi FMD sekurang-kurangnya 2 kali setahun mengikut zon utara, selatan, timur, barat)	Di lapangan	Simulasi di 4 buah zon	DVS Negeri, BPPSPS	Latihan simulasi sebanyak 8 kali setahun	Peruntukan mengurus BPPSPS / DVS Negeri	Simulasi FMD sebanyak 8 kali setahun (4 zon)
	Menyediakan laporan simulasi FMD	DVS Putrajaya	Laporan simulasi	Skapp	Cetakan laporan	Peruntukan mengurus BPPSPS	

PELAN STRATEGIK

KAWALAN PENYAKIT KUKU & MULUT (FMD) KEBANGSAAN

2018 - 2023

STRATEGI 2 : MEMANTAPKAN AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT FMD KE ARAH MENGURANGKAN INSIDEN DAN MENCIAPAI ZON BEBAS FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
1. Memantapkan program pemvaksinan FMD	1. Mengenalpasti lokasi dan bilangan ternakan yang berisiko FMD dan kawasan berisiko FMD 2. Membuat perolehan vakan dari pembekal yang sah yang mengikut bilangan dos yang mencukupi bagi ruminan dan babi di kawasan berisiko 3. Menyediakan garis panduan pemvaksinan FMD di ladang	Di lapangan DVS Putrajaya	Data lokasi dan bancian ternakan dikawasan berisiko Invois pembelian dos vaksin FMD yang dibeli secara tahunan	DVS Negeri DVS Negeri, BPSPS	Tuntutan perjalanan dan pengangkutan Harga vaksin mengikut bilangan populasi ternakan dikawasan berisiko FMD	Peruntukan mengurus DVS Negeri / BPSPS Peruntukan mengurus BPSPS / DVS Negeri	Data perlu dihantar ke BPSPS (SkarPP) dan salinannya kepada Epis

STRATEGI 2: MEMANTAPKAN AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT FMD KE ARAH MENGURANGKAN INSIDEN DAN MENCAPAI ZON BEBAS FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
4.	1. Pemvaksinan tahunan yang dijalankan pada lembu dan babi di dalam kawasan berisiko tinggi	Di lapangan	Data pemvaksinan dan bilangan dos vaksin tahunan yang diberi	DVS Negeri, Perternak / Pihak swasta yang dilantik	<ul style="list-style-type: none"> Tuntutan perjalanan dan pengangkutan Peralatan dan bahan pakai buang serta bayaran kepada pihak swasta 	Peruntukan mengurus BPSPS / DVS Negeri	i. Pemvaksinan mengambil kira regime pemvaksinan dalam setauan dan bilangan populasi ii. Menentukan peningkatan peratus liputan pemvaksinan setauan
2.	1. Menganalisa data pemvaksinan yang telah dijalankan	DVS Negeri dan DVS Putrajaya	Laporan peratus pencapaian pemvaksinan tahunan	BPPSPS, DVS Negeri	-	-	-
	2. Pemantauan keberkesanannya FMD (post vaccination monitoring)	Di lapangan dan makmal	Laporan pemantauan yang telah dijalankan secara tahunan	BPPSPS, DVS Negeri, MVK KB	<ul style="list-style-type: none"> Kos ujian Tuntutan perjalanan Peralatan 	Peruntukan mengurus BPSPS / DVS Negeri	Menentukan keberkesanannya pemvaksinan melalui tanap imuniti termakan dalam populasi dikawasan berisiko selepas pemvaksinan dijalankan
	3. Melaksanakan ujian keserasian vaksin dengan field strain (vaccine matching)	Di makmal	Laporan keputusan ujian	BPPSPS, DVS Negeri, MVK KB	Kos ujian	Peruntukan mengurus BPSPS	-

PELAN STRATEGIK

KAWALAN PENYAKIT KUKU & MULUT (FMD) KEBANGSAAN

2018 - 2023

STRATEGI 2: MEMANTAPKAN AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT FMD KE ARAH MENGURANGKAN INSIDEN DAN MENCAPAI ZON BEBAS FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
	4. Memberhentikan program vaksinasi apabila tiada insiden dilaporan selepas 12 bulan.	Di lapangan	Laporan status FMD	DVS Negeri, Perternak / Pihak swasta yang dilantik	-	-	-
3. Meningkatkan Kawalan pemindahan Ternakan	1. Mewujudkan perintah yang mewajibkan tanda pengenal untuk ternakan mengikut spesis 2. Mengemaskini enakmen lembu kerbau Negeri sempadan untuk mewajibkan tanda pengenal ternakan yang didafar	DVS Putrajaya	Perintah tanda pengenal	BPSPS, DVS Negeri	Cetakan perintah	Peruntukan mengurus BPSPS	-

STRATEGI 2: MEMANTAPKAN AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT FMD KE ARAH MENGURANGKAN INSIDEN DAN MENCAPAI ZON BEBAS FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
4. Mengukuhkan sistem daya ejak dan tanda pengenal ternakan	1. Menambahbaik sistem daya ejak kebangsaan 2. Perolehan tanda pengenal ternakan secara tahunan 3. Memantau ternakan yang diberi tanda pengenal (visual tag) mengikut spesis 4. Pemantauan rekod tanda pengenal haiwan melalui system e-permit 2 5. Mengadakan sekatan jalanraya semasa wabak	DVS Putrajaya	Sistem daya ejak yang ditambahbaik	BPPSPS	Perluasan sistem pengenal	Peruntukan mengurus BPPSPS	-
		DVS Negeri dan DVS Putrajaya	Invois pembelian dan bilangan tanda pengenal ternakan yang mencukupi di beli SkarPP	Semua DVS Negeri, SkarPP	Pembelian tanda pengenal	Peruntukan mengurus BPPSPS / DVS Negeri	-
		Dilapangan	Data ternakan yang diberi tanda pengenal tahun mengikut tahun	DVS Negeri, Penterak	Tuntutan perjalanan dan pengangkutan	Peruntukan mengurus BPPSPS / DVS Negeri	Peratus ternakan yang diberi tanda pengenal setiap tahun
		DVS Negeri	Rekod tanda pengenal ternakan	DVS Negeri , BPPSPS	-	-	-
		Dilapangan	Laporan sekatan jalanraya	Penguatuwa Negeri	Tuntutan perjalanan dan pengangkutan	Peruntukan mengurus BPPSPS	-

PELAN STRATEGIK

KAWALAN PENYAKIT KUKU & MULUT (FMD) KEBANGSAAN

2018 - 2023

STRATEGI 2: MEMANTAPKAN AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT FMD KE ARAH MENGURANGKAN INSIDEN DAN MENCAPAI ZON BEBAS FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
5. Mengukuhkan program disinfeksi dan dekontaminasi	1. Perolehan disinfeksi 2. Menjalankan disinfeksi dan dekontaminasi di kawasan-kawasan teriangkit, berisiko terjangkit (peralatan dan bangunan diladaang, kenderaan, dan pakaian kerja) 3. Memantau rekod disinfeksi dan dekontaminasi	DVS Putrajaya dan DVS Negeri	Invois pembelian jumlah disinfekti	SKaPP, Bahagian Kesihatan DVS Negeri	Disinfekti yang dibeli	Peruntukan mengurus BPSPS / DVS Negeri	-
				DVS Negeri, Perternak	Tuntutan perjalanan dan pengangkutan	Peruntukan mengurus BPSPS / DVS Negeri	-

STRATEGI 2: MEMANTAPKAN AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT FMD KE ARAH MENGURANGKAN INSIDEN DAN MENCAPAI ZON BEBAS FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
6. Memperkuatkannya Kawalan Import dan pemindahan ternakan	1. Kemaskini protokol import (tanda pengenal, vaksin). 2. Mewajibkan ternakan divaksin dan dikuarantin untuk kemasukan ternakan dari sempadan utara tanahair. 3. Menyediakan protokol pengurusan ternakan dipintu masuk dan kuarantin 4. Menjalankan analisa risiko bagi permohonan dari Negara pengeksport yang baru	DVS Putrajaya Di lapangan	Protokol import Laporan kuarantin	SQIE BPSPS BPSPS, Traders / pengimport	- -	- -	-

PELAN STRATEGIK

KAWALAN PENYAKIT KUKU & MULUT (FMD) KEBANGSAAN

2018 - 2023

STRATEGI 2: MEMANTAPKAN AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT FMD KE ARAH MENGURANGKAN INSIDEN DAN MENCAPAI ZON BEBAS FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Sumber Peruntukan	Kos	Catatan
7. Memperkuhkan program pemustahan dan pelupusan	<p>1. Menakai ternakan positif FMD berdasarkan pengesahan makmal (dilaksanakan pada peringkat negara iaitu mencapai status bebas FMD tanpa vaksinasi).</p> <p>2. Penyediaan kertas dasar untuk pemberian pampasan</p>	DVS Putrajaya dan di lapangan	Bilangan ternakan yang ditakai	SKaPP, BPPSPS, DVS Negeri	Pampasan	Peruntukan mengurus BPPSPS	-

STRATEGI 3: MEMANTAPKAN PENGUATKUSAAN DAN PERUNDANGAN

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Perumtukan	Catatan
1. Memperkuuhkan perguatkuasaan kawalan pemindahan ternakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menggal atau mengemas kini perintah/warta penggunaan seal tag bagi negeri/negeri yang masih belum menguatkuasakan 2. Mewujudkan SOP penggunaan seal tag 3. Perolehan dan perlaksanaan penggunaan seal tag pada pengangkutan ternakan dan tanda pengenal ternakan 	DVS Putrajaya	Perintah / warta	Pengarahan DVS Negeri	Cetakan warta	Peruntukan mengurus BPSPS / DVS Negeri	-

STRATEGI 4: MEMPERKUHKAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN SUMBER

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
1. Memantapkan pengurusan kewangan dan sumber manusia	1. Menyediaan kertas permohonan peruntukan pembanguran dan mengurus bagi Pelan Strategik Kawalan FMD 2. Mendapatkan kelulusan kementerian bagi menjalankan aktiviti pencegahan, kawalan dan pembasman FMD 3. Mendapatkan kelulusan Jabatan dan Kementerian untuk mendapatkan sumber manusia mencukupi bagi menjalankan aktiviti pencegahan, kawalan dan pembasman FMD	DVS Putrajaya	Kertas permohonan peruntukan	BPSPS, BKP, B.Perancangan, DVS Negeri	-	-	-

STRATEGI 4: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN SUMBER

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KPI)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
2. Memantapkan sumber manusia yang kompeten	Memberi latihan kepada kakitangan lapangan untuk menjalankan program kawalan dan pembasmi FMD dan aktiviti yang berkaitan.	Dilapangan	Bilangan dan jenis latihan yang dijalankan berkaitan FMD	BPSFS, BLPK	<ul style="list-style-type: none"> • Penginapan dan makan minum peserta • Bayaran penceramah 	Peruntukan mengurus BPSFS / BLPK - - -	-
3. Mengukuhkan kerjasama dengan agensi luar	Mewujudkan perjanjian/ persefahaman dengan agensi luar dalam penguatkuasaan penyelidupan hawai/ hasilan melalui National Blue Ocean Strategy (NBOS)	DVS Putrajaya	Pelan NBOS	BPSFS, B, Pengukuasaan, Agensi teribat, DVS Negeri	- - -	-	-

STRATEGI 5: MEMPERKUKUHKAN KOMUNIKASI DAN KESEDARAN AWAM

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukar (KPI)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
1. Mengukuhkan program kesedaran awam berkaitan dengan FMD	1. Melaksanakan program kesedaran FMD melalui kemping, media massa dsb berkaitan penyakit FMD kepada <i>stakeholder</i> , peniernak, <i>traders</i> dan agensi berkaitan mengikut daerah sekurang-kurangnya sekali setahun untuk setiap daerah.	DVS Negeri Di lapangan	Jumlah program kesedaran awam yg dijalankan	DVS Negeri	Bahan kempeng Makan dan minum peserta kempeng	Peruntukan mengurus BPSPS / DVS Negeri	-

STRATEGI 6: MEMPERKASAAN PENYELIDIKAN BERKAITAN PENYAKIT FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KPI)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
1. Meningkatkan keberkesanan dalam pencegahan, kawalan dan pembasmi penyakit FMD	<p>1. Melalukan kajian penambahan baikan kaedah diagnostik untuk pengesaran FMD dimakmal rujukan. (Kerjasama dgn Pak Chong, Piroright)</p> <p>2. Melalukan kajian keboleh-upayaan strain FMD tempatan bagi penghasian vaksin FMD yang lebih berkesan.</p> <p>3. Melalukan kajian sosio-ekonomi dari segi kawalan dan pencegahan FMD.</p> <p>4. Melalukan kajian untuk mengetahui hubungkait di antara kejadian penyakit FMD dengan corak pemindahan ternakan</p>	VRI	Hasil kajian	BPI VRI	Peralatan dan bahan kajian	Peruntukan BPPSPS / BPI	-

STRATEGI 7: MEMANTAPKAN KOORDINASI DAN KOLABORASI ANTARABANGSA DALAM MENINGKATKAN KOMPETENSI

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KP)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
1. Memantapkan kerjasama antarabangsa berkaitan kawalan dan pembasmiyan penyakit FMD.	1. Menyertai Mesyuarat SEACFMD 2. Menyertai Mesyuarat OIE National FMD Coordinator 3. Mengajurkan Bilateral Meeting bersama Negara Thailand 4. Meningkatkan kompetensi berkaitan penyiasatan dan kawalan penyakit FMD melalui kerjasama dengan SEACFMD dan lain-lain badan antarabangsa	Dalam dan luar Negara Dalam dan luar Negara Malaysia / Thailand Di lapangan	Laporan dan jumlah mensyarat yang dihadiri Laporan dan jumlah mensyarat yang dihadiri Jumlah mesyuarat yang dijalankan Jumlah program kerjasama yang dijalankan	FMD Koordinator FMD Coordinator DVS Putrajaya DVS Putrajaya	Penginapan dan tiket kapal terbang Penginapan dan tiket kapal terbang Penganjuran mesyuarat Kos latihan	OIE OIE B.Perancangan BPSPS	- - - Perlu kena pasti tempat dan tenaga pengajar serta peruntukan yang perlu

STRATEGI 8: PEMANTAPAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN KESELURUHAN PROGRAM FMD

Output	Aktiviti	Lokasi	Penentu Ukur (KPI)	Pelaksana	Kos	Sumber Peruntukan	Catatan
1. Mengukuhkan pemantauan dan penilaian keberkesanannya strategi FMD	<p>1. Mewujudkan kumpulan kerja pemantauan dan penilaian untuk menilai perkembangan dan keberkesanannya setiap strategi secara berterusan</p> <p>2. Menyediakan kriteria, piawaian dan indeks untuk penilaian</p> <p>3. Merintarkan pemantauan dan penilaian untuk memastikan setiap strategi dijalankan mengikut pelan tindakan.</p> <p>4. Menyediakan laporan pemantauan dan penilaian bagi setiap strategi yang dijalankan</p>	DVS Putrajaya	Minit Mesyuarat	DVS Putrajaya, DVS Negeri	-	-	-

4**PELAN PELAKSANAAN**

AKTIVITI	TEMPOH SASARAN					
	2018	2019	2020	2021	2022	2023
STRATEGI 1: MENINGKATKAN PENGESANAN AWAL FMD SERTA MEMPERKUKUHKAN AKTIVITI SURVELAN FMD						
MEMANTAPKAN MEKANISME TINDAK BALAS SEGERA PENYAKIT FMD						
Pelaporan kejadian penyakit yang disyaki FMD	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Mewujudkan Jawatankuasa kerja FMD	✓					
Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa kerja FMD 3 kali setahun	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Menjalankan penyiasatan penyakit	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Menganalisa data indeks penyakit dan pelaporan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
MENGUKUHKAN PROGRAM SURVELAN FMD						
Menyediakan manual persampelan program surveyan tahunan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Melaksanakan program surveyan klinikal dan aktif Penyakit FMD dan pelaporan data surveyan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
MEMANTAPKAN GARIS PANDUAN DAN PROSEDUR FMD						
Mengemaskini PVM FMD dan APTVM berkaitan	✓	✓				
NOTIFIKASI KES FMD KE OIE						
Notifikasi segera kes FMD dan Laporan QAAD ke OIE.	✓	✓	✓	✓	✓	✓
MENGUKUHKAN PROGRAM KESIAPSIAGAAN KAWALAN FMD						
Melaksanakan program simulasi FMD sekurang-kurangnya 2 kali setahun mengikut zon (utara, selatan, timur, barat)	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Menyediakan laporan simulasi FMD	✓	✓	✓	✓	✓	✓
STRATEGI 2: MEMANTAPKAN AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT FMD KE ARAH MENGURANGKAN INSIDEN DAN MENCAPAI ZON BEBAS FMD						
MEMANTAPKAN PROGRAM PEMVAKSINAN FMD						
Mengenalpasti lokasi dan bilangan ternakan yang berisiko FMD dan kawasan berisiko FMD	✓	✓	✓	✓		
Membuat perolehan vaksin dari pembekal yang sah mengikut bilangan dos yang mencukupi bagi ruminan dan babi di kawasan berisiko	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Menyediakan garis panduan pemvaksinan FMD di ladang	✓	✓				

AKTIVITI	TEMPOH SASARAN					
	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Pemvaksinan tahunan yang dijalankan pada lembu dan babi di dalam kawasan berisiko tinggi	✓	✓	✓	✓	✓	✓
MEMANTAU PRESTASI PEMVAKSINAN DAN IMUNITI						
Menganalisa data pemvaksinan yang telah dijalankan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Pemantauan keberkesanan vaksinasi FMD (post vaccination monitoring)	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Menjalankan ujian keserasian vaksin dengan field strain (vaccine matching)	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Memberhentikan program vaksinasi apabila tiada insiden dilaporkan selepas 12 bulan					✓	
MENINGKATKAN KAWALAN PEMINDAHAN TERNAKAN						
Mewujudkan perintah yang mewajibkan tanda pengenalan untuk ternakan mengikut spesis	✓					
Mengemaskini enakmen lembu kerbau Negeri sempadan untuk mewajibkan tanda pengenalan ternakan yang didaftar	✓	✓				
MENGUKUHKAN SISTEM DAYA JEJAK DAN TANDA PENGENALAN TERNAKAN						
Menambahbaik sistem dayajejak kebangsaan	✓	✓				
Perolehan tanda pengenalan ternakan secara tahunan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Memantau peratusan ternakan yang diberi tanda pengenalan (visual tag) mengikut spesis	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Pemantauan rekod tanda pengenalan haiwan melalui sistem e-permit 2	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Mengadakan sekatan jalanraya semasa wabak	✓	✓	✓	✓	✓	✓
MENGUKUHKAN PROGRAM DISINFEKSI DAN DEKONTAMINASI						
Perolehan disinfektan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Menjalankan disinfeksi dan dekontaminasi di kawasan-kawasan terjangkit, berisiko terjangkit (peralatan dan bangunan diladang, kenderaan, dan pakaian kerja)	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Memantau rekod disinfeksi dan dekontaminasi	✓	✓	✓	✓	✓	✓
MEMPERKUKUHKAN KAWALAN IMPORT DAN PEMINDAHAN TERNAKAN						
Kemaskini protokol import (tanda pengenalan, vaksin)	✓	✓				
Wajibkan ternakan divaksin dan dikuarantin untuk kemasukan ternakan dari sempadan utara tanahair	✓	✓	✓	✓	✓	✓

AKTIVITI	TEMPOH SASARAN					
	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Menyediakan protokol pengurusan ternakan dipintu masuk dan kuarantin	✓	✓				
Menjalankan analisa risiko bagi permohonan dari Negara pengeksport yang baru	✓	✓	✓	✓	✓	✓
MEMPERKUKUHKAN PROGRAM PEMUSNAHAN DAN PELUPUSAN						
Menakai ternakan positif FMD berdasarkan pengesahan makmal (dilaksanakan pada peringkat negara telah mencapai status bebas FMD tanpa vaksinasi)				✓	✓	
Penyediaan kertas dasar untuk pemberian pampasan		✓				
STRATEGI 3: MEMANTAPKAN PENGUATKUASAAN DAN PERUNDANGAN						
MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN KAWALAN PEMINDAHAN TERNAKAN						
Menggubal atau mengemaskini perintah/warta penggunaan seal tag bagi negeri-negeri yang masih belum menguatkuasakan	✓	✓				
Mewujudkan/menyediakan SOP penggunaan seal tag	✓	✓				
Memastikan perlaksanaan penggunaan seal tag pada pengangkut ternakan dan tanda pengenalan ternakan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
STRATEGI 4: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN SUMBER						
MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA						
Menyediaan kertas permohonan peruntukan pembangunan dan mengurus bagi Pelan Strategik Kawalan FMD	✓	✓				
Mendapatkan kelulusan kementerian bagi menjalankan aktiviti pencegahan, kawalan dan pembasmian FMD	✓	✓				
Mendapatkan kelulusan Jabatan dan Kementerian untuk mendapatkan sumber manusia mencukupi bagi menjalankan aktiviti pencegahan, kawalan dan pembasmian FMD	✓	✓				
MEMANTAPKAN SUMBER MANUSIA YANG KOMPETEN						
Memberi latihan kepada kakitangan lapangan untuk menjalankan program kawalan dan pembasmian FMD dan aktiviti yang berkaitan.	✓	✓	✓	✓	✓	✓

AKTIVITI	TEMPOH SASARAN					
	2018	2019	2020	2021	2022	2023

MENGUKUHKAN KERJASAMA DENGAN AGENSI LUAR

Mewujudkan perjanjian/ persefahaman dengan agensi luar dalam penguatkuasaan penyeludupan haiwan/ hasilan melalui National Blue Ocean Strategy (NBOS)



STRATEGI 5: MEMPERKUKUHKAN KOMUNIKASI DAN KESEDARAN AWAM

MENGUKUHKAN PROGRAM KESEDARAN AWAM BERKAITAN DENGAN FMD

Melaksanakan program kesedaran FMD melalui kempen, media massa dsb berkaitan penyakit FMD kepada stakeholder, penternak, traders dan agensi berkaitan mengikut daerah sekurang-kurangnya sekali setahun untuk setiap daerah



STRATEGI 6: MEMPERKASAKAN PENYELIDIKAN BERKAITAN PENYAKIT FMD

MENINGKATKAN KEBERKESANAN DALAM PENCEGAHAN, KAWALAN DAN PEMBASMIAN PENYAKIT FMD

Menjalankan kajian penambahbaikan kaedah diagnostik untuk pengesanan FMD dimakmal rujukan (Kerjasama dgn Pak Chong, Pirbright)



Menjalankan kajian kebolehupayaan strain FMD tempatan bagi penghasilan vaksin FMD yang lebih berkesan



Menjalankan kajian sosio-ekonomi dari segi kawalan dan pencegahan FMD



Menjalankan kajian untuk mengetahui hubungkait diantara kejadian penyakit FMD dengan corak pemindahan ternakan



STRATEGI 7: MEMANTAPKAN KOORDINASI DAN KOLABORASI ANTARABANGSA DALAM MENINGKATKAN KOMPETENSI

MEMANTAPKAN KERJASAMA ANTARABANGSA BERKAITAN PENCEGAHAN, KAWALAN DAN PEMBASMIAN PENYAKIT FMD

Menyertai Mesyuarat SEACFMD



Menyertai Mesyuarat OIE National FMD Coordinator



Menganjurkan Bilateral Meeting bersama Negara Thailand



Meningkatkan kompetensi berkaitan penyiasatan dan kawalan penyakit FMD melalui kerjasama dengan SEACFMD dan lain-lain badan antarabangsa



AKTIVITI	TEMPOH SASARAN					
	2018	2019	2020	2021	2022	2023
STRATEGI 8: PEMANTAPAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN KESELURUHAN PROGRAM FMD						
MENGUKUHKAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN STRATEGI FMD						
Mewujudkan kumpulan kerja pemantauan dan penilaian untuk menilai perkembangan dan keberkesanan setiap strategi secara berterusan	✓					
Menyediakan kriteria, piawaian dan indeks untuk penilaian	✓	✓				
Menjalankan pemantauan dan penilaian untuk memastikan setiap strategi dijalankan mengikut pelan tindakan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Menyediakan laporan pemantauan dan penilaian bagi setiap strategi yang dijalankan	✓	✓	✓	✓	✓	✓

AHLI JAWATANKUASA PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK KAWALAN PENYAKIT KUKU DAN MULUT (FMD) KEBANGSAAN 2018-2023

Penasihat

Dr. Saipul Bahari bin Haji Abdul Ree

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar)

Pengerusi

Dr. Rohaya binti Mohd Ali

Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti

Ahli Jawatankuasa

Nama	Bahagian / Jabatan
Dr. Norlida binti Othman	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
Dr. Zainor bin Mohd	Seksyen Epidemiologi dan Survelan, BPSPS
Dr. Sarah Dadang Abdullah	Seksyen Epidemiologi dan Survelan, BPSPS
Dr. Mariani binti Hashim	Seksyen Epidemiologi dan Survelan, BPSPS
Dr. Zawida binti Zahari	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit, BPSPS
Dr. Lee Chian Hoey	Seksyen Babi, BPKT
Dr. Zarina binti Mohamed	Seksyen Pedaging, BPKT
Dr. Nik Hamidah binti Nik Husin	DVS Negeri Selangor
Dr. Noraihan binti Mohd Yasin	DVS Negeri Pahang
Dr. Nor Natasha binti Mohd Sufian	DVS WP Kuala Lumpur
Dr. Noor Asyikin binti Abu	Makmal Kesihatan Awam Veterinar Salak Tinggi
Dr. Aidi bin Mohamad	DVS Negeri Johor
Dr. Adil bin Ibrahim	DVS Negeri Perlis
En. Zaharuddin bin Mustapha	DVS Negeri Pahang
En. Md Ropi bin Abd. Rahman	DVS Negeri Pahang
En. Aminuddin bin Ali	DVS Negeri Pulau Pinang
Pn. Salamiah binti Sarif	DVS Negeri Melaka
Pn. Noorhidayah binti Nordin	MAQIS Putrajaya
Pn. Nik Hafizatul Akmal binti Mat Hussin	MAQIS Putrajaya
En. Rasheedie bin Abu Bakar	Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit, BPSPS

CATATAN



Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS
Jabatan perkhidmatan veterinar
Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya.
(Tel) 03-8870 2000 (Faks) 03-8888 6021
(Emel) pro@dvs.gov.my
(Laman web) www.dvs.gov.my